

CNS7484

R GB 30-03 00162 BB102

BAH

MASYARAKAT YANG MAJU TIDAK MENINDAS

Mahathir - Negara

ALOR SETAR, 30 Mac (bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mahu mencapai taraf negara maju untuk membuktikan bahawa umat Islam yang maju tidak bersikap menindas mereka yang lemah.

+Kita tidak mahu berkelakuan seperti sesetengah bangsa yang maju tetapi suka menindas mereka yang lemah,+ katanya pada majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Kampung Bukit Tinggi, Kepala Batas, di sini malam ini.

Beliau berkata, usaha mengejar kemajuan dunia adalah sama pentingnya dengan mengejar kebaikan di akhirat kerana tanpa kemajuan di dunia selama itulah umat Islam akan ditindas.

+Kalauutamakan akhirat sahaja, ini satu perbuatan tidak bertanggungjawab,+ katanya dan menambah bahawa umat Islam yang lemah tidak dapat memelihara agamanya serta melindungi umat Islam lain yang tertindas.

Perdana Menteri berkata, untuk mencapai kemajuan, umat Islam mesti amanah. Bagaimanapun, beliau kesal kerana masih ada golongan yang tidak amanah dalam masyarakat. -- Lagi

▼30/03/23-22MST

CNS7485

R GB 30-03 00148 BB103

BAH

Mahathir - Negara 2 (Akhir) Alor Setar

+Ada orang terima gaji daripada kerajaan tapi suka ambil cuti panjang kononnya nak berdakwah. Itu tak betul, tidak amanah. Kalau nak berdakwah pergilah berdakwah dengan duit sendiri,+ katanya.

Beliau berkata, para penuntut juga jika mempunyai sikap amanah akan belajar dengan tekun.

Dr Mahathir berkata, pandangan bangsa lain terhadap umat Islam kini amat rendah kerana masih ramai yang lemah dan meminta daripada mereka yang maju yang kaya.

Beliau mengajak rakyat bersyukur kerana di Malaysia mereka menerima pelbagai nikmat dan tidak mengalami kesengsaraan seperti sesetengah umat Islam di negara lain.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Perdana Menteri dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas majlis itu. -- Bernama

▼30/03/23-23MST